



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL. 1/2025

TARIKH / MASA / TEMPAT

25 FEBRUARI 2025 (SELASA)
8:30 PAGI

RUANG LEGAR
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, sekali lagi kita dapat berkumpul bersama-sama pada sesi pertama bagi tahun 2025. Terima kasih kepada semua yang hadir terutama kepada barisan Ketua WHIP, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan seluruh kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini jelas menunjukkan dedikasi dan kesungguhan kita dalam memangkin MBSP ke arah yang lebih progresif dan sekaligus menjurus ke arah reformasi perkhidmatan MBSP yang lebih efisien dan efektif.
2. Peranan MBSP sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang progresif adalah penting bagi memastikan pembangunan dan kesejahteraan komuniti setempat berada pada tahap mampan. Kita harus sentiasa bersedia dengan kehendak dan keperluan semasa. Cara kita bekerja dahulu dan sekarang juga berbeza dan perlu kepada perubahan budaya kerja yang baharu. Budaya kerja yang berprestasi tinggi dan berintegriti adalah satu konsep yang sangat penting dalam membina perkhidmatan awam yang cekap, berkesan dan dipercayai. Ia menekankan kepada pencapaian hasil yang lebih cemerlang dengan mengekalkan standard etika dan moral yang tinggi.

3. Suka juga saya ingin ingatkan buat semua pegawai dan kakitangan supaya lebih peka kepada syarat-syarat baharu pentadbiran di dalam Majlis setelah berlaku perubahan ke atas Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Baharu terutama dari segi gred yang telah bertukar dan cuti memandangkan kita ada pelbagai cuti dan had-had yang dibenarkan. Sila pastikan kita semua faham dan tahu agar tidak menjejaskan reputasi profesion kita. Ketua-Ketua Jabatan haruslah memastikan Penolong Pegawai Tadbir dan Pembantu Tadbir Kanan di jabatan masing-masing peka dan faham tentang perubahan ini kerana mereka adalah sumber rujukan kakitangan dan pegawai.
4. Selain itu, saya juga memandang serius akan isu keselamatan bukan sahaja kakitangan Majlis bahkan juga orang awam. Dukacita dimaklumkan telah berlaku satu kes kemalangan maut yang melibatkan lori MBSP dan orang awam. Orang awam tersebut yang menunggang mototsikal telah meninggal dunia di tempat kejadian. Lanjutan daripada kes ini, Saya berharap Standard Operating Procedure (SOP) sedia ada perlu ditambahbaik dengan amalan kerja yang lebih selamat, modifikasi pada kenderaan Majlis dengan penambahbaikan ciri-ciri keselamatan dan juga penekanan kepada *Human Factor* bagi mengurangkan risiko kemalangan.
5. Seperti yang kita semua sedia maklum, tahun 2025 adalah tahun penting dalam Reformasi Perkhidmatan Awam di Malaysia. Langkah utama yang ditekankan di dalam Reformasi Perkhidmatan Awam ini

ialah Digitalisasi Perkhidmatan Awam. Kebanyakan organisasi-organisasi besar telah menggunakan *Artificial Intelligence (AI)* dalam dunia mereka dan AI ini adalah untuk membantu kita berdaya saing dalam dunia digital ini. Justeru, di dalam Reformasi Perkhidmatan Awam telah diperkenalkan Reformasi Karenah Birokrasi (RKB). RKB ini adalah aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara bagi memperkasakan sistem penyampaian kerajaan bagi memudah cara urusan rakyat dan sektor perniagaan. Malaysia Productivity Corporation (MPC) dipertanggungjawabkan untuk menyemak serta menambah baik peraturan sedia ada yang tidak lagi relevan agar lebih telus dan berkesan.

6. Sejar dengan aspirasi ini, MBSP dengan kerjasama MPC telah mengambil langkah proaktif dalam mempercepatkan proses kelulusan pelan projek pembangunan termasuk kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Kejuruteraan dengan mengadaptasi kaedah AI bagi meningkatkan kecekapan serta mempercepatkan proses kelulusan dengan lebih sistematik dan efektif.
7. MBSP sekali lagi telah berjaya mencipta satu kejayaan dalam mempercepatkan proses kerja bagi sebuah projek di bawah inisiatif SPEED iaitu Skim Perumahan Rumah Bakat Baru MADANI (RBBM) sebanyak 37,000 unit rumah di Daerah Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Inisiatif SPEED yang dilancarkan pada tahun

2024 ini telah berjaya merealisasikan projek RBBM yang dibangunkan oleh pihak Skyworld Development Sdn Bhd yang berjaya mendapat kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dalam tempoh hanya 36 hari dan projek ini juga tersenarai dalam RKB oleh MPC. Sememangnya ianya adalah satu cabaran buat Majlis dan pada awalnya semua merasakan ianya satu kesukaran. Tetapi apabila ianya adalah satu arahan, dan MBSP telah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikannya, Alhamdulillah dengan sokongan semua, kita berjaya laksanakan daripada memproses PKM 72 hari kepada 36 hari untuk projek ini. Ini jelas menunjukkan bahawa MBSP bukan lagi mempunyai pegawai-pegawai yang SILO mentaliti dan ketersediaan MBSP sebagai sebuah organisasi yang *Business Ready*.

8. Saya menyeru jadikanlah SPEED ini sumber inspirasi untuk kita lihat prosedur-prosedur kerja sedia ada yang boleh ditambahbaik dengan bantuan AI. BPSM juga telah menghantar pegawai-pegawai dan kakitangan ke kursus AI dan kursus-kursus seperti ini akan diperbanyakkan lagi untuk kemudahan semua. Akademi Industri Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) Pulau Pinang akan melancarkan Akademi Kecerdasan Buatan (AI) atau *AI Centre* pada bulan April ini sebagai usaha menyediakan tenaga kerja di negeri ini dengan kemahiran AI terkini dan AI generatif. Pusat ini akan menawarkan kursus-kursus selaras dengan kehendak digital. Ini

menunjukkan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mentranformasikan dan mempercepatkan perkhidmatan.

9. Untuk makluman, Pulau Pinang telah terpilih sebagai tuan rumah kepada Mesyuarat Kepengerusian ASEAN 2025 yang berlangsung dari bulan Januari 2025 sehingga November 2025. Lokasi mesyuarat semuanya terletak di Pulau Pinang dan sebahagian aktiviti dijalankan di Seberang Perai. Kita berasa bangga kerana dua (2) spot tempat menarik di Seberang Perai dijadikan destinasi lawatan delegasi iaitu di Kampung Agung dan Guar Kepah pada 22 Februari yang lepas. Setakat ni MBSP telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk penyelenggaraan pokok di seluruh Seberang Perai, pemasangan lampu hiasan di tiga (3) lokasi, melaksanakan projek mercu tanda lokaliti selain mempromosikan program ASEAN di sekitar Seberang Perai.
10. Selain itu, baru-baru ini MBSP telah dijemput oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menyediakan pameran *upcycle* sempena lawatan *Her Excellency Madame Emine Erdoğan, First Lady of Turkiye* (FLOT) ke Kuala Lumpur pada 11 Februari 2025. Semasa lawatan tersebut, inisiatif kitar semula dan hijau ini telah menarik perhatian FLOT sehingga beliau berbesar hati membeli beberapa produk *upcycle* MBSP iaitu 1 set meja tong drum, 1 set rostrum tong drum, 2 biji pasu tayar dan 1 set tempat letak pen PVC untuk di bawa pulang ke Turkiye.

11. Ini adalah satu pengiktirafan yang amat membanggakan dan membuktikan bahawa Seberang Perai adalah juga bandar terbaik untuk dilawati dan hasil usaha MBSP dalam inovasi hijau dan ekonomi kitaran mendapat perhatian di peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung dengan pembelian FLOT ini akan membawa nama MBSP ke Turkiye dan negara-negara yang lain memandangkan FLOT merupakan penggerak utama program Zero Waste di sana.

12. Seiring dengan komitmen terhadap kelestarian alam sekitar, Kempen Tiada Beg Plastik Setiap Hari di Pulau Pinang akan dilaksanakan bermula Mac 2025 secara berperingkat dalam dua (2) fasa iaitu :

- i. Fasa 1 : Penguatkuasaan Secara Berhemah bermula 1 Mac hingga 31 Ogos 2025; dan
- ii. Fasa 2 : Penguatkuasaan Penuh bermula 1 September 2025

MBSP sentiasa menyokong dasar-dasar baharu yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi perubahan gaya hidup masyarakat yang lebih bersih, hijau dan mampan. Sebagai kakitangan MBSP dan Pihak Berkuasa Tempatan, semua daripada kita perlu memberikan contoh yang terbaik dan memainkan peranan sebagai duta kepada semua dasar Kerajaan Negeri. Setiap hari, MBSP menguruskan lebih daripada 2000 tan sampah sehari dan kos adalah lebih kurang RM50,000.00 sehari, dan ini memberi tanggungjawab besar kepada kita semua untuk menguruskan sampah. Kos untuk pengurusan

sampah begitu besar lebih kurang RM1.53 juta setahun dan sekiranya kita dapat mengurangkan kos tersebut, lebih banyak kemudahan-kemudahan awam kita boleh dinaiktaraf dan ditambahbaik.

13. Pada tahun 2024, pelbagai pencapaian dan kejayaan dari peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri yang telah kita perolehi membawa kepada 24 anugerah kesemuanya. Antaranya:

- i. Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2024
- ii. Safety Excellence Elite Award
- iii. Anugerah Akrab Organisasi
- iv. 3rd SDG City Awards anjuran CityNet dan *United Nations Economic and Social Commission for Asia and The Pacific (ESCAP)* di bawah *Traffic Management Contribution in Commercials by TRAFIESTA Program*
- v. Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Prihatin sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan Tahun 2024 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- vi. Kertas Cadangan MBSP '*Spreading Experiences and Knowledge on School Meals Programmes in ASEAN Cities*' telah menerima anugerah antara lapan (8) bandar terbaik di antara 43 buah bandar yang menyertai forum *Milan Urban Food Policy Pact (MUFPP)* di Bangkok, Thailand.

vii. *MIP Planning Excellence Award 2024 - Implementation of SPEED MBSP.*

14. Di samping itu, Ahli-Ahli Majlis bersama Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan MBSP juga telah bersama-sama melaksanakan pelbagai program dan projek yang bersesuaian untuk rakyat. Di atas segala kejayaan dan pencapaian Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai kanan, Wira Oren MBSP dan seluruh kakitangan MBSP, sukacita saya ingin mengumumkan Insentif Kecemerlangan Prestasi bagi tahun 2024 sebanyak $\frac{1}{4}$ bulan gaji atau minimum RM1000 kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan MBSP yang pembayarannya akan dibuat pada bulan Mac 2025. Wang yang diperuntukan adalah sebanyak RM4.04 juta untuk pembayaran insentif ini.
15. Untuk makluman, dengan sedikit lebihan wang yang kita ada, atas segala penat lelah dan usaha semua, insentif ini diberikan bukan sahaja sebagai satu penghargaan malah ianya adalah penyuntik semangat yang memberi motivasi kepada kita semua untuk meningkatkan lagi usaha dan komitmen dalam mencapai misi dan visi Majlis.
16. Saya juga mengharapkan agar semua jabatan cuba mencari jalan untuk meningkatkan hasil Majlis di samping memastikan langkah-langkah penjimatan di peringkat jabatan dilaksanakan sebaiknya.

Sebagai contoh menggunakan sesuatu kemudahan dengan baik seperti laptop, kenderaan, tandas, alat tulis atau sebagainya untuk satu tempoh masa yang lama supaya ianya dapat mencapai tahap penggunaan yang optimum dan mengurangkan kekerapan pembelian.

17. Tidak mustahil sekiranya pencapaian kita lebih hebat dan kewangan kita lebih kukuh, berkemungkinan insentif prestasi ini dapat ditingkatkan lagi di masa hadapan. Tahniah kepada ANULAE kerana membawa usul ini dan kepada BPSM juga dalam memberikan inspirasi dan motivasi dalam bentuk insentif kewangan ini.

18. Akhir kata dari saya, Alhamdulillah dan insyaallah, pada hujung minggu ini umat Islam akan menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak. Ramadan bukan sahaja bulan untuk berpuasa, tetapi juga bulan untuk kita memperbanyakkan amal kebaikan, memperbaiki diri, dan mempereratkan ukhuwah sesama kita. Inilah bulan yang mengajar kita erti kesabaran, kemaafan, keikhlasan dan keprihatinan sesama kita. Selamat Menjalani Ibadah Puasa buat semua Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Wira Oren MBSP dan semua kakitangan yang beragama Islam.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***